PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2016

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global sederhana

Pada suku kedua 2016, ekonomi global berkembang pada kadar lebih sederhana dengan momentum pertumbuhan merentas ekonomi yang tidak sekata. Pertumbuhan dalam ekonomi maju kekal sederhana dalam keadaan kelemahan kitaran dan struktur yang berterusan. Di Asia, pertumbuhan ekonomi disokong oleh permintaan dalam negeri, tetapi dikekang oleh kelemahan yang berterusan dalam prestasi eksport. Meskipun kesan awal daripada keputusan referendum EU oleh UK menyebabkan ketidakpastian dan penghindaran risiko yang meningkat, ketidaktentuan pasaran kewangan kini telah reda. Berikutan pertumbuhan yang berterusan dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau terus mengambil langkah pelonggaran untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Keadaan pasaran kewangan antarabangsa semakin tidak menentu, khususnya pada bulan Jun. Pada separuh pertama suku kedua, pasaran ekuiti merosot berikutan pengumuman data ekonomi RR China yang lebih lemah dan penurunan harga minyak yang berterusan. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti utama dan serantau meningkat dari bulan Mei dan seterusnya, berikutan tanda-tanda awal kestabilan harga minyak dan keputusan Federal Reserve (Fed) untuk mengekalkan Kadar Dana Federal (Federal Funds Rate, FFR) pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC) pada bulan Jun. Namun, keputusan referendum EU oleh UK yang tidak diduga pada bulan Jun pada awalnya menyebabkan kejutan pasaran kewangan, apabila paun sterling menurun kepada paras paling rendah dalam tempoh 31 tahun berbanding dengan dolar AS. Dalam persekitaran penghindaran risiko yang meningkat ini, yen Jepun menambah nilai disebabkan aliran *safe haven*, manakala sebahagian besar mata wang serantau mengakhiri suku tahun lebih rendah berbanding dengan dolar AS. Ketidaktentuan pasaran kewangan berkurang pada minggu selepas referendum, apabila kebimbangan telah reda.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD47 setong (S1 2016: USD35 setong), paras tertinggi sejak suku ketiga 2015. Kenaikan harga pada amnya disokong oleh sentimen pasaran yang bertambah baik berikutan jangkaan mengenai jurang yang lebih kecil antara penawaran dengan permintaan minyak global. Yang ketara, kebimbangan terhadap keadaan lebihan bekalan global menjadi reda pada suku kedua berikutan satu siri gangguan bekalan berlaku dalam negara pengeluar minyak seperti Nigeria, Kanada, Iraq dan Libya, serta penyusutan inventori minyak mentah AS. Permintaan terhadap minyak global terus disokong oleh penggunaan minyak dalam ekonomi sedang pesat membangun, terutamanya RR China dan India. Walau bagaimanapun, menjelang penghujung suku tersebut, pergerakan harga menjadi amat tidak menentu, mencerminkan terutamanya perubahan permintaan dalam pasaran hadapan minyak. Dolar AS yang lebih lemah pada awal bulan Jun pada mulanya menaikkan harga minyak mentah Brent kepada paras tertinggi sejak pertengahan bulan Oktober 2015, iaitu pada USD52 setong pada 8 Jun. Selepas itu, ketidakpastian mengenai referendum EU oleh UK dan keputusannya yang tidak diduga menyebabkan harga minyak mentah Brent menurun. Walau bagaimanapun, apabila kebimbangan mengenai kesan keputusan tersebut berkurang, harga minyak meningkat kembali dan mengakhiri suku kedua pada USD50 setong.

Ekonomi Amerika Syarikat (AS) meningkat pada kadar lebih sederhana pada suku kedua (1.2%; S1 2016: 1.6%). Walau bagaimanapun, pada asas tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 1.2% (S1 2016: 0.8%). Aktiviti ekonomi

disokong oleh penggunaan swasta dalam keadaan pertumbuhan pendapatan boleh guna peribadi yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Sektor korporat masih menghadapi gangguan, terutamanya berikutan keuntungan korporat yang menurun. Selain itu, inventori dan eksport bersih merupakan penghalang yang lebih besar kepada pertumbuhan. Pada suku kedua, inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.1%, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga perkhidmatan tempat tinggal dan pengangkutan.

Berdasarkan anggaran awal, pertumbuhan di kawasan euro secara relatif mampan (1.6%; S1 2016: 1.7%) pada suku kedua, didorong terutamanya oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pertumbuhan menurun kepada 0.3% daripada 0.6% pada suku sebelumnya. Walaupun permintaan luar negeri meningkat sedikit (purata April - Mei 2016: 0.5%, S1 2016: -1.1%), permintaan kekal lemah berbanding dengan prestasi tahun sebelumnya (2015: 5.4%). Meskipun pendirian dasar monetari yang amat akomodatif, tekanan deflasi berterusan dan inflasi keseluruhan mencatat kemerosotan sebanyak 0.1% (S1 2016: +0.1%) manakala inflasi teras kekal rendah pada 0.8%.

Ekonomi UK berkembang pada kadar lebih cepat pada suku kedua (2.2%; S1 2016: 2.0%), apabila kelemahan dalam sektor pembinaan dan pertanian diimbangi oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Namun, sentimen isi rumah dan perniagaan terus terjejas oleh ketidakpastian ekoran keputusan referendum EU oleh UK. Inflasi meningkat dengan sederhana kepada 0.3% (S1 2016: 0.4%).

Di Jepun, aktiviti ekonomi keseluruhan masih lemah. Pengeluaran perindustrian terus merosot (purata bulan April - Mei 2016: -1.9%, S1 2016: -3.2%), mencerminkan terutamanya penguncupan dalam subkomponen perkilangan, elekrik dan perlombongan. Eksport terus menguncup (-9.5%, S1 2016: -7.9%), disebabkan oleh permintaan lebih perlahan daripada rakan perdagangan utama. Di samping itu, perbelanjaan pengguna terus menguncup dalam keadaan pertumbuhan upah yang lebih perlahan sebanyak 1.2% (S1 2016: 1.4%). Inflasi keseluruhan (tidak termasuk makanan segar) terus menurun kepada -0.4% (S1 2016: -0.1%) manakala inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) kekal sederhana pada 0.6% (S1 2016: 0.7%).

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju secara keseluruhan kekal sangat akomodatif, apabila kebanyakan bank pusat meneruskan dasar monetari yang longgar. Berikutan keputusan referendum EU oleh UK, Bank of England (BOE) menurunkan kadar bank sebanyak 25 mata asas kepada paras paling rendah sebanyak 0.25% pada bulan Ogos 2016. Untuk terus menyokong pertumbuhan dan inflasi, BOE melancarkan pakej rangsangan, termasuk Skim Pembiayaan Berjangka (Term Funding Scheme) baharu untuk memudahkan lagi kesan pindahan daripada penurunan kadar bank, pembelian sehingga GBP10 bilion bon korporat UK dan peningkatan skim pembelian aset untuk bon kerajaan UK sebanyak GBP60 bilion, yang keseluruhan jumlah stok daripada pembelian asset ini ialah GBP435 bilion. Reserve Bank of Australia (RBA) turut menurunkan kadar tunai sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada bulan Mei 2016 dan sekali lagi kepada 1.50% pada bulan Ogos 2016, berikutan inflasi yang lebih lemah daripada jangkaan. RBA juga menyatakan bahawa tekanan

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
AS	3.0[d]	3.1[d]	1.6[d]	1.2[a]	1.4[a]
Kawasan euro	1.6	1.5	1.7	1.6[p]	1.6[p]
UK	2.4	2.6	2.0	2.2[p]	2.1[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

harga dalam pasaran perumahan telah reda, justeru risiko yang mungkin timbul daripada penurunan kadar faedah adalah lebih rendah berbanding dengan setahun yang lalu. Bank of Japan (BOJ) mengekalkan kadar faedah yang stabil tetapi memutuskan untuk menggandakan kadar pembelian tahunan dana dagangan bursa (exchange-traded funds, ETF) kepada kira-kira 6 trilion yen. Dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global yang meningkat, BOJ membesarkan saiz program pemberian pinjamannya, yang memberikan dolar AS kepada syarikat Jepun dalam usaha menyokong aktiviti luar negara mereka. European Central Bank (ECB) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar utama dan pembelian aset bulanannya sebanyak EUR 80 bilion. Bank of Canada (BOC) turut mengekalkan sasarannya untuk kadar semalaman pada 0.5%. Walau bagaimanapun, ECB dan BOC telah menyatakan bahawa gangguan terhadap pertumbuhan telah meningkat berikutan keputusan referendum EU oleh UK. Sebaliknya, Federal Reserve tidak mengubah Kadar Dana Federal pada bulan Julai, menegaskan bahawa pasaran pekerja telah kukuh dan risiko jangka terdekat terhadap prospek ekonomi AS telah berkurang.

Pertumbuhan di RR China kekal pada 6.7% pada suku kedua (S1 2016: 6.7%). Mengikut sektor, peningkatan dalam sektor perindustrian (6.3%, S1 2016: 5.8%) diimbangi oleh pertumbuhan lebih sederhana dalam sektor perkhidmatan (7.5%, S1 2016: 7.6%). Pada suku itu, langkah dasar yang diperkenalkan telah sedikit sebanyak menyokong aktiviti pelaburan. Langkah ini termasuk menambah pembiayaan untuk pelaburan infrastruktur dan melonggarkan sekatan pembelian rumah. Walau bagaimanapun, ekonomi keseluruhan terus menghadapi gangguan daripada sentimen perniagaan yang lebih lemah, pelarasan berterusan merentas sektor yang mempunyai kapasiti lebihan dan permintaan luar negeri yang lebih sederhana. Inflasi kekal pada 2.1% (S1 2016: 2.1%) apabila kenaikan harga rumah diimbangi oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam kategori makanan dan pakaian.

Di Asia, beberapa ekonomi mencatat pertumbuhan yang sederhana. Aktiviti ekonomi di Korea berkembang pada kadar lebih pantas (3.2%; S1 2016: 2.8%), disokong oleh penggunaan swasta yang lebih kukuh dan pemulihan eksport. Pertumbuhan di Indonesia meningkat kepada 5.2% (S1 2016: 4.9%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi dan kemerosotan lebih kecil dalam pertumbuhan eksport. Aktiviti ekonomi di China Taipei mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.7% (S1 2016: -0.7%), berikutan eksport yang kembali pulih. Pertumbuhan di Singapura kekal pada 2.1% (S1 2016: 2.1%), apabila sektor perkilangan yang didorong terutamanya oleh kelompok perkilangan bioperubatan dan elektronik sebahagiannya mengimbangi kelemahan dalam sektor perkhidmatan pada suku itu.

Inflasi kekal rendah dalam beberapa ekonomi Asia. Harga bahan api lebih rendah menyumbang kepada penurunan kos pengangkutan dan utiliti, yang mengimbangi kadar inflasi lebih tinggi untuk barangan makanan dalam beberapa ekonomi. Susulan tempoh deflasi sejak suku pertama 2015, Thailand mencatat kenaikan inflasi suku tahunannya yang pertama pada suku kedua 2016, apabila keadaan kemarau pada suku tersebut menyebabkan kenaikan harga makanan pada kadar lebih tinggi berbanding dengan pengurunan harga bahan api.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2015		2016		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	7.0	7.0	6.7	6.7	6.7
Indonesia	4.7	4.7	4.9	5.2	5.1
Korea	2.2	2.3	2.8	3.2[a]	3.0
Singapura	1.8	2.2	2.1[d]	2.1	2.1
China Taipei	0.6	2.3	-0.7	0.7[a]	0.0

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari kekal akomodatif di rantau Asia dan beberapa bank pusat telah menurunkan kadar dasar mereka pada suku tersebut. Reserve Bank of India (RBI) dan Bank of Korea (BOK) menurunkan kadar dasar utama mereka masing-masing sebanyak 25 mata asas kepada 6.50% dan 1.25%, untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Tambahan lagi, RBI turut melonggarkan keadaan mudah tunai dengan menurunkan nisbah rizab tunai dan menaikkan kadar repo berbalik (reverse repo) untuk menyokong pertumbuhan kredit. Central Bank of China (Taiwan) turut menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.375% berikutan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan. Monetary Authority of Singapore mengurangkan julat kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura (Singapore dollar nominal effective exchange rate, S$NEER) daripada penambahan nilai secara beransur-ansur kepada sifar peratus, dengan mengambil kira bahawa aktiviti ekonomi dijangka berkembang pada kadar lebih sederhana berbanding dengan unjuran sebelum ini.

Pada masa hadapan, aktiviti ekonomi global dijangka kekal sederhana meskipun terdapat pelonggaran keadaan monetari yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini dalam ekonomi utama dan serantau. Kadar pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terus perlahan manakala di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Ketidaktentuan pasaran kewangan yang terus berlaku ekoran kebimbangan yang makin meningkat mengenai pilihan raya presiden AS dan risiko penularan politik yang meningkat susulan referendum EU oleh UK mungkin memberikan kesan ketara kepada pasaran melalui aliran modal antarabangsa. Keadaan ekonomi global secara keseluruhan semakin mencabar, dengan peningkatan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan.